

Oleh Rosniza Mohd Taha  
yoniza@bharian.com.my

Kota Samarahan

Pelajar universiti diingatkan supaya memanfaatkan saluran 'bersuara' dengan berada, bijaksana dan bertanggungjawab.

Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Prof Datuk Dr Khairuddin Ab Hamid, berkata suasana pembelajaran di universiti yang menggalakkan komunikasi dua hala dan interaktif ialah peluang keemasan bagi pelajar menyerlah dalam bidang akademik.

Bagaimanapun, katanya, dalam proses pemupukan pemikiran kritis itu; rasional berlandaskan ilmu dan nilai agama perlu terus menjadi penghayatan.

"Memasuki kampus universiti ini menandakan suatu penerokaan kepada portal ilmu pengetahuan yang maha luas dan menuntut suatu

# Manfaatkan peluang belajar di IPT

amanah yang lebih besar.

"Universiti harus dijadikan wadah untuk percambahan fikiran dan kepelbagaiannya pandangan serta disuburkan dengan aktiviti wacana intelektual," katanya ketika berucap pada Majlis Ikrar Pelajar Ambilan Februari Sesi 2012/2013 di UNIMAS, baru-baru ini.

## Pendaftaran pelajar baharu

Seramai 137 pelajar baharu termasuk tujuh penuntut

antarabangsa mendaftar untuk mengikuti pengajian di enam fakulti universiti itu.

Daripada jumlah itu, 49 mahasiswa dan 88 lagi mahasiswi; sementara penuntut antarabangsa berkenaan dari Bangladesh, Jerman, Fiji dan China.

Sebelum memulakan pengajian, pelajar terbabit menjalani Minggu Aluan Pelajar selama empat hari bagi mendapat pendedahan awal kehidupan kampus termasuk sesi taklimat Akta Universiti dan Kolej Universiti, Bahasa, Kokurikulum Berkredit dan Kemahiran

Insaniah serta Majlis Ikrar Pelajar.

Pelajar terbabit mengikuti pengajian di Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, Fakulti Sains Sosial serta Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.



Majlis Ikrar Pelajar Ambilan Februari 2012/2013 UNIMAS.